

Siasat punca tebing runtuh

AMPANG-Adun Chempaka, Iskandar Abdul Samad mahu Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyiasat kejadian tebing runtuh di Pandan Indah, kelmarin.

Iskandar berkata, beliau telah berbincang dengan Jabatan Kejuruteraan MPAJ berkenaan perkara ini dan difahamkan kejadian tersebut sama dengan kejadian tebing runtuh di Pandan Mewah Heights pada dua tahun lalu.

"Saya berharap MPAJ menyiasat dan mengenal pasti punca kejadian berlaku," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Jelasnya, sewaktu kejadian di Pandan Mewah Heights, beliau telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan MPAJ mengadakan siasatan ke atas semua tebing di kawasan tersebut dan dilaporkan tiada masalah dengan tebing lain.

Katanya lagi, beliau telah mengarahkan JPS dan MPAJ untuk mengadakan siasatan sekali lagi termasuk kawasan kejadian yang baru berlaku.

"Saya juga akan berbincang dengan mereka berhubung peruntukkan untuk membaik pulih tebing berkenaan," katanya.